



PAFK 2022

PERSIDANGAN AMALAN FARMASI KEBANGSAAN

*Amalan Farmasi Berkualiti
Pemangkin Kelestarian Perkhidmatan*

21-23 JUN 2022 (SELASA - KHAMIS)
THE EVERLY, PUTRAJAYA

BUKU PROGRAM

ANJURAN

Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

DENGAN KERJASAMA



Persatuan Farmasi Malaysia



HANAN MEDICARE SDN. BHD.

Hanan Medicare Sdn Bhd is a privately owned Bumiputera company established as a medical services provider for both the public and private sector. Leading Hanan Medicare is Dato' Farshila Emran, an entrepreneur with extensive experience in the pharmaceutical industry.

Hanan Medicare is a trading company that has the capability to be a distributor to import, store and deal generally all poisons and non-poison items. In addition, HMSB is also a "Bumiputera Agent" to International Pharmaceutical companies.

HMSB currently focuses on the supply of disposable products and hospital sundries by tender or quotations basis. Our quest is to provide exemplary standards of service and quality in healthcare products supply, expanding into medical devices.

With deep knowledge and experience in the medical field, we strive to provide the community with quality healthcare products at affordable prices. Hence, our company tagline 'In the world of health. We exist for you.'

OUR SERVICES

MEDICAL SUPPLY

- Scheduled / Non-Scheduled Poison
- Disposable Medical Aid

LOGISTIC AND DISTRIBUTION

- The department is responsible in all aspects of shipping and delivery including collaboration with transportation systems to ensure prompt shipment.
- To achieve the regulatory standards and ensure customer satisfaction.

KLINIK HANAN

Klinik Hanan is GP Clinic and health facility that is primary focused on the care of outpatients. It is managed by Dr. Mohammad Sharif Bin Abu Hassan.

Our professional doctor is dedicated to provide each of our patients with the highest and best level of service and quality.

Cost effective, high quality health care in a modern setting is the unique difference you will find at Klinik Hanan.

KLINIK HANAN'S SERVICES

- Emergency Services
- Radiology and Imaging
- Medicine Services
- Health Care

CONTACT US

HANAN MEDICARE SDN. BHD.

No. 50 - G & 52 - G, Jalan PJU 5/22,
Pusat Perdagangan Kota Damansara PJU 5,
47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
Tel : +603- 6150 4160
Fax: +603- 6151 4164

KLINIK HANAN

No. 9, Jalan Keluli 7/110,
Pusat Perniagaan Bukit Raja 2,
Seksyen 7, 40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
Tel : +603- 3362 4060 / 4161
Fax: +603- 3362 4162

ISI KANDUNGAN

Jawatankuasa Persidangan	2
Objektif & Tema	4
Kata Alu-aluan	
Ketua Pengarah Kesihatan	5
Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi	6
Pengarah	7
Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi	
Agenda Program	
Hari Pertama - 21 Jun 2022 (Selasa)	8
Hari Kedua - 22 Jun 2022 (Rabu)	10
Hari Ketiga - 23 Jun 2022 (Khamis)	14
Senarai Calon Anugerah Amalan Farmasi	
Anugerah Amalan Farmasi Terbaik di Fasiliti (Hospital dan Klinik Kesihatan)	17
Anugerah Fasiliti Latihan Farmasi Logistik Terbaik	19
Anugerah Amalan Farmasi Terbaik:	20
Kenali Ubat Anda: Pembudayaan Literasi Kesihatan	
Profil Penceramah	
Hari Pertama - 21 Jun 2022 (Selasa)	24
Hari Kedua - 22 Jun 2022 (Rabu)	26
Hari Ketiga - 23 Jun 2022 (Khamis)	28

Imbas untuk:
Buku Program
Pendaftaran
Khidmat Bantuan



linktr.ee/PAFK2022

JAWATANKUASA PERSIDANGAN

PENAUNG

YBrs. Puan Norhaliza binti A Halim
Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi

PENASIHAT

YBrs. Puan Fuziah binti Abdul Rashid
Pengarah
Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi

PENGERUSI

Puan Rohana binti Hassan
Timbalan Pengarah
Cawangan Penjagaan Farmaseutikal

BENDAHARI

Cik Lee Mei Wah
Encik Gopi a/l Muniandy

SEKRETARIAT

Cik Siti Fauziah binti Abu
Puan Mardhiyah binti Kamal
Puan Sharon Ong Chin Wen
Puan Rachel Yew Poo Jing

FLOOR MANAGER

Puan Khutrun Nada binti Zulkifli
Encik Haniff bin Mohd Nawi

PENGACARA MAJLIS

Puan Sofhatun Nur binti Subhi
Encik Muhammad Amir Rayhan bin Jailani

JAWATANKUASA PERSIDANGAN

JK PROMOSI / MULTIMEDIA / FOTOGRAFI

Puan Munira binti Muhammad
Puan Atika Mahfuza binti Mahbub
Puan Siew Lee Jin
Encik Helmi Hafiz bin Hashim
Puan Hazlin binti Othman

JK PENDAFTARAN & SIJIL

Puan Norhuda binti Tajuddin
Puan Noor Syuhaidah binti Radzuan
Puan Ong Tuan Chin
Puan Nurul Hidayah binti Awang
Puan Mastura binti Abu Samad

JK TEKNIKAL & LOGISTIK

Puan Noridayu binti Tumiran
Encik Tan Lit Yong
Encik Zulkurnain bin Embran
Encik Ahmad Syafique bin Mohd
Sukarno
Encik Mohd Alif bin Rosmi

JK PROTOKOL

Puan Fatkhiah binti Haji Khalil
Puan Nazariah binti Haron
Cik Nordiana binti Shariff
Puan Shakirin binti Shaik Rahmat
Dr. Nur Liyana binti Zainal Bahrin
Cik Siti 'Aqilah binti Mohd Nordin

JK HADIAH / BUKU PROGRAM

Dr. Nur Sufiza binti Ahmad
Dr. Rosliana binti Rosli
Puan Aw Sook Fuan
Cik Nabila binti Abdul Rahman
Cik Ng Sin Yee

JK ANUGERAH PENILAIAN AMALAN FARMASI

Puan Masfiza binti Abdul Hamid
Puan Hazimah binti Hashim
Puan Nur Azibahwati binti Aziz
Cik Siti Nurul Fathihah binti
Baharudin
Cik Nur Salima binti Shamsudin
Puan Maisara binti Abdul Rahman

OBJEKTIF

- Pemantapan amalan farmasi ke arah penyampaian perkhidmatan farmasi yang komprehensif
- Memperkasakan amalan farmasi berkualiti ke arah pemangkin kelestarian perkhidmatan
- Perkongsian amalan farmasi terbaik selari dengan hala tuju pelan strategik Kementerian Kesihatan Malaysia

TEMA

Amalan Farmasi Berkualiti Pemangkin Kelestarian Perkhidmatan

Kata Alu-aluan Ketua Pengarah Kesihatan

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Keluarga Malaysia.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi, Program Perkhidmatan Farmasi bersama Persatuan Farmasi Malaysia atas usaha menganjurkan Persidangan Amalan Farmasi Kebangsaan Tahun 2022 yang bertemakan “Amalan Farmasi Berkualiti Pemangkin Kelestarian Perkhidmatan”. Ini amatlah bertepatan dengan hasrat dan kehendak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk sentiasa memastikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik diberikan kepada pelanggan khususnya pesakit-pesakit yang mendapat rawatan di seluruh fasiliti kesihatan KKM.



Perkhidmatan farmasi di sektor awam dan juga swasta sering menjadi titik perhubungan pertama dengan sistem kesihatan bagi pelanggan atau pesakit yang mempunyai kebimbangan berkaitan kesihatan atau memerlukan maklumat dan khidmat nasihat berasaskan bukti yang dipercayai dan sahih. Perancangan yang baik dan strategi yang jelas untuk menyebarkan maklumat dan amalan terkini dalam bidang penjagaan kesihatan merupakan satu kemestian dan menjadi tanggungjawab semua warga farmasi. Dengan pelbagai cabaran masa kini, terutama susulan penularan pandemik COVID-19, kekusaran rakyat terhadap penggunaan ubat-ubatan dan vaksin seringkali diutarakan oleh mereka. Sebagai pakar dalam bidang ubat-ubatan, semua warga farmasi perlu memainkan peranan penting dalam amalan farmasi berkualiti dan sentiasa bersedia serta yakin terhadap segala persoalan berkaitan ubat-ubatan daripada masyarakat agar penggunaannya adalah selamat dan berkesan.

Sekali lagi, tahniah dan syabas di atas penganjuran persidangan ini dan saya doakan agar segala perancangan teliti terhadap pelaksanaan program dan aktiviti ini akan memberi manfaat seterusnya meningkatkan prestasi perkhidmatan farmasi kepada rakyat secara amnya.

Sekian, terima kasih.

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Kata Alu-aluan Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi dengan limpah kurniaNya Persidangan Amalan Farmasi Kebangsaan Tahun 2022 dapat dilaksanakan dengan jayanya. Tahniah diucapkan kepada Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia dan Persatuan Farmasi Malaysia atas usaha dan kerjasama jitu dalam memastikan persidangan ini dapat dilaksanakan dengan lancar. Tema “Amalan Farmasi Berkualiti Pemangkin Kelestarian Perkhidmatan” semestinya bertepatan dengan keperluan terkini semua anggota farmasi terhadap pengetahuan farmasi klinikal dan amalan farmasi dalam bidang-bidang lain yang harus diterap dan dikekalkan bagi mengoptimumkan perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat.



Saya dimaklumkan bahawa, persidangan ini akan merangkumi pelbagai topik terkini dalam bidang amalan praktis farmasi yang meliputi penjagaan farmaseutikal, pengurusan farmasi logistik, pengurusan formulari, harga ubat dan penggunaan ubat berkualiti. Maklumat terkini terhadap praktis-praktis ini amatlah penting terutamanya selepas negara mengalami cabaran dalam penularan wabak penyakit berjangkit iaitu COVID-19 dan pada masa yang sama perlu terus berusaha menangani peningkatan kes-kes penyakit tidak berjangkit seperti diabetes, kardiovaskular, kolesterol tinggi dan hipertensi.

Sehubungan dengan itu, saya menggesa semua warga farmasi, sama ada di sektor awam atau swasta untuk terus bekerjasama dalam membawa dan mengekalkan amalan farmasi berkualiti di Malaysia pada standard yang lebih tinggi sehingga ke peringkat antarabangsa. Kepada semua peserta, saya berharap persidangan ini akan memberi manfaat dan inspirasi kepada anda untuk memimpin dalam meningkatkan perkhidmatan farmasi ke arah mencapai penjagaan kesihatan yang lebih baik untuk rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih

YBrs. Puan Norhaliza binti A Halim

Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

Kata Alu-aluan Pengarah Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sihat Keluarga Malaysia.

Dengan besar hati saya mengalu-alukan kehadiran semua peserta ke Persidangan Amalan Farmasi Kebangsaan 2022. Tema persidangan pada kali ini adalah “Amalan Farmasi Berkualiti Pemangkin Kelestarian Perkhidmatan” yang akan memberi fokus kepada pelbagai aspek amalan farmasi terkini yang meliputi penjagaan farmaseutikal, pengurusan farmasi logistik, pengurusan formulari, harga ubat dan penggunaan ubat berkualiti.



Selaras dengan tema dan objektif persidangan ini, setiap ahli farmasi harus lebih pro-aktif dalam merancang dan melaksanakan strategi dalam mengekalkan penyediaan penjagaan kesihatan yang cemerlang kepada pesakit. Susulan daripada cabaran terhadap penularan wabak penyakit berjangkit COVID-19, adalah tidak dinafikan ianya telah memberi kesan mendalam terhadap perubahan praktis pengurusan farmasi secara global. Oleh yang demikian, semua ahli farmasi harus mengambil tindakan proaktif dalam melengkapkan diri dengan maklumat yang tepat dan skil praktis farmasi terkini agar sentiasa bersedia dalam setiap situasi untuk mengendalikan dan menangani masalah berkaitan pesakit dan ubat-ubatan mereka, sekaligus memantau penjagaan kesihatan pesakit secara menyeluruh.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada jawatankuasa penganjur yang telah bertungkus lumus sejak awal tahun merancang pengendalian persidangan ini bersama-sama dengan Persatuan Farmasi Malaysia, semua penceramah yang sudi meluangkan masa dan juga kepada semua yang telah memberi kerjasama secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan persidangan ini. Semoga persidangan ini dapat memberi manfaat dan pengalaman yang menyeronokkan kepada semua peserta dan seterusnya memacu ke arah penyampaian perkhidmatan yang lebih cemerlang di masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

YBrs. Puan Fuziah binti Abdul Rashid

Pengarah Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia



**HARI PERTAMA
21 JUN 2022 (SELASA)**

12:00 - 3:00 PETANG

PENDAFTARAN

SIMPOSIUM 1

Moderator: Dr. Nur Liyana binti Zainal Bahrin

3:00 - 3:45 PETANG

PLENARI I: RANGKA TINDAKAN FARMAKOEKONOMI KE ARAH KELESTARIAN AKSES UBAT-UBATAN

DR. NUR SUFIZA BINTI AHMAD

TIMBALAN PENGARAH

CAWANGAN PENGURUSAN FORMULARI

BAHAGIAN AMALAN DAN PERKEMBANGAN FARMASI, KKM

3:45 - 4:15 PETANG

CERAMAH I: MEKANISME HARGA UBAT YANG KONKLUSIF KE ARAH AKSES UBAT MAMPU MILIK

PUAN FATKHIAH BINTI HAJI KHALIL

TIMBALAN PENGARAH

CAWANGAN PENGURUSAN HARGA UBAT

BAHAGIAN AMALAN DAN PERKEMBANGAN FARMASI, KKM

4:15 - 4:45 PETANG

CERAMAH II: PENGURUSAN BEKALAN UBAT SEMASA BENCANA DAN KRISIS

PUAN NORHUDA BINTI MOHD. TAJUDDIN

TIMBALAN PENGARAH

CAWANGAN PENGURUSAN FARMASI LOGISTIK

BAHAGIAN AMALAN DAN PERKEMBANGAN FARMASI, KKM

4:45 - 5:15 PETANG

SESI SOAL JAWAB

5:15 - 5:45 PETANG

EVENING DRUG TALK BY ASTRAZENECA: OPTIMISING SECOND LINE TREATMENT IN ADVANCED OR METASTATIC EGFRm NSCLC

DR. WINNIE NG

PAKAR PERUBATAN (ONKOLOGI)

INSTITUT KANSER NEGARA

5:45 - 6:00 PETANG

MINUM PETANG & BERSURAI



HARI KEDUA
22 JUN 2022 (RABU)

7:30 - 8:30 PAGI

PENDAFTARAN

8:30 - 9.15 PAGI

UCAPTAMA

YBRS. PUAN FUZIAH BINTI ABDUL RASHID

PENGARAH

BAHAGIAN AMALAN DAN PERKEMBANGAN FARMASI, KKM

9:15 - 10.30 PAGI

MAJLIS PERASMIAN

BACAAN DOA

EN. MUHAMMAD FATHULLAH BIN PARDIN

PEGAWAI FARMASI

HOSPITAL LABUAN

UCAPAN ALU-ALUAN

YBRS. PUAN NORHALIZA BINTI A HALIM

PENGARAH KANAN PERKHIDMATAN FARMASI, KKM

UCAPAN PERASMIAN

YBGH. TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH

KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

10:30 - 10.45 PAGI

MINUM PAGI

SIMPOSIUM 2

Moderator: Puan Yanti Nasyuhana binti Sani

10:45 - 11.30 PAGI

PLENARI II: *INTEGRATING PRECISION MEDICINE INTO HEALTHCARE PRACTICE*

PROFESOR GAN SIEW HUA

DEKAN

PUSAT PENGAJIAN FARMASI

MONASH UNIVERSITY OF MALAYSIA



SIMPOSIUM 2

11:30 PAGI - 12.00 TENGAH HARI

CERAMAH III: *PRECISION MEDICINE TOWARDS PREVENTION OF ADVERSE DRUG REACTIONS (ADR)*

DR. NUR AIZATI ATHIRAH BINTI DAUD

PENSYARAH FARMASI

PUSAT PENGAJIAN SAINS FARMASI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

12:00 - 12:30 TENGAH HARI

CERAMAH IV: *APPLICATION OF PRECISION MEDICINE IN PHARMACOTHERAPY : PAEDIATRIC ONCOLOGY IN THE LOOKING*

DR. RIZAL HUSAINI BIN RAZALI

PEGAWAI FARMASI

HOSPITAL TUNKU AZIZAH

12:30 - 12.45 TENGAH HARI

SESI SOAL JAWAB

12:45 - 1:15 PETANG

LUNCH DRUG TALK BY NOVUGEN PHARMA: *REVERSE ENGINEERING IN PHARMACEUTICAL FORMULATION*

DR. SHAHNAWAZ SAJID MR. SANDEEP MEHRE

SENIOR VICE PRESIDENT & VICE PRESIDENT

NOVUGEN PHARMA

NOVUGEN PHARMA

1:15 - 2:15 PETANG

MAKAN TENGAH HARI

SIMPOSIUM 3

Moderator: Cik Siti Nurul Fathihah binti Baharudin

2:15 - 3.00 PETANG

PLENARI III: *EVOLUSI KENALI UBAT ANDA - PEMBUDAYAAN LITERASI KESIHATAN*

PUAN MUNIRA BINTI MUHAMMAD

TIMBALAN PENGARAH

CAWANGAN PENGGUNAAN UBAT BERKUALITI

BAHAGIAN AMALAN DAN PERKEMBANGAN FARMASI, KKM

SIMPOSIUM 3

3:00 - 3:20 PETANG

CERAMAH V: *PHARMACY INTEGRATED COMMUNITY CARE (PICC) NEGERI TERENGGANU*

ENCIK MOHD SYAFIQ BIN YUSOF

KETUA PENOLONG PENGARAH KANAN UF52
BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI
JABATAN KESIHATAN NEGERI TERENGGANU

3:20 - 3:40 PETANG

CERAMAH VI: *SEMBANG ONLINE CAKNA UBAT ANDA*

ENCIK MOHAMMAD ASWADY BIN ADENAN

PEGAWAI FARMASI UF54
KLINIK KESIHATAN PENGKALAN CHEPA
PEJABAT KESIHATAN DAERAH KOTA BHARU

3:40 - 4:00 PETANG

CERAMAH VII: *PHARMACY INTEGRATED COMMUNITY CARE (PICC) NEGERI KELANTAN*

PUAN NUR HAIDA BINTI MUHAMAD

KETUA PENOLONG PENGARAH KANAN UF52
BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI
JABATAN KESIHATAN NEGERI KELANTAN

4:00 - 4.30 PETANG

SESI SOAL JAWAB

4:30 - 5:00 PETANG

EVENING DRUG TALK BY LUCENXIA: INSIGHTS INTO PERITONEAL DIALYSIS

MS. ASHA SURESH CHAND

PROGRAM DIRECTOR
LUCENXIA

5:00 - 5:15 PETANG


MINUM PETANG

5:15 PETANG - 8:00 MALAM

REHAT

8:00 - 10:00 MALAM

MAJLIS APRESIASI 2022



HARI KETIGA
23 JUN 2022 (KHAMIS)

7:30 - 8:30 PAGI

PENDAFTARAN

SIMPOSIUM 4

Moderator: Puan Hayati Alwani binti Yahaya

8:30 - 9:15 PAGI

PLENARI IV: *PHARMACEUTICAL CARE - TRANSFORMATION CHANGE AHEAD*

PROFESOR MADYA DR. MOHD MAK MOR BIN BAKRY

DEKAN

FAKULTI FARMASI

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

9:15 - 9:45 PAGI

CERAMAH VIII: *UNDERSTANDING MYMAAT DEVELOPMENT AND USE - THE IN AND OUT*

PROFESOR MADYA DR. ERNIEDA BINTI MD HATAH

PENSYARAH FARMASI

FAKULTI FARMASI

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

9:45 - 10:15 PAGI

CERAMAH IX: *HOW DISASTROUS IT CAN BE WHEN ADR HINDERS ADHERENCE*

DR. NORKASIHAN BINTI IBRAHIM

PENSYARAH KANAN

FAKULTI FARMASI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

10:15 - 10:45 PAGI

MINUM PAGI

PAFFK 2022

SIMPOSIUM 4

11:00 - 11:30 PAGI

CERAMAH X: PERANCANGAN / HALA TUJU PENJAGAAN FARMASEUTIKAL

PUAN ROHANA BINTI HASSAN

TIMBALAN PENGARAH

CAWANGAN PENJAGAAN FARMASEUTIKAL

BAHAGIAN AMALAN DAN PERKEMBANGAN FARMASI, KKM

11:30 PAGI - 12:00 TENGAH HARI

SESI SOAL JAWAB

12:00 TENGAH HARI - 1:00 PETANG

MAJLIS PENUTUP DAN PENYAMPAIAN HADIAH

YBRS. PUAN FUZIAH BINTI ABDUL RASHID

PENGARAH

BAHAGIAN AMALAN DAN PERKEMBANGAN FARMASI, KKM

1:00 PETANG

MAKAN TENGAH HARI DAN BERSURAI

SENARAI CALON ANUGERAH AMALAN FARMASI

ANUGERAH AMALAN FARMASI TERBAIK DI FASILITI KKM (HOSPITAL DAN KLINIK KESIHATAN)

BIL.	NEGERI / JKWP	HOSPITAL	KLINIK KESIHATAN
1	SARAWAK	HOSPITAL SIBU	KK TUDAN, PKB MIRI
2	SABAH	HOSPITAL WANITA DAN KANAK-KANAK SABAH	KK SANDAKAN, PKK KOTA KINABALU
3	JK WP LABUAN	HOSPITAL LABUAN	KK WP LABUAN, PKD WP LABUAN
4	NEGERI SEMBILAN	HOSPITAL TUANKU AMPUAN NAJIHAH	KK AMPANGAN, PKD SEREMBAN
5	PULAU PINANG	HOSPITAL SEBERANG JAYA	KK BUTTERWORTH, PKD SEBERANG PERAI UTARA
6	TERENGGANU	HOSPITAL KEMAMAN	KK BATU 2 1/2, PKD KEMAMAN
7	JOHOR	HOSPITAL PAKAR SULTANAH FATIMAH	KK MAHMOODIAH, PKD JOHOR BAHRU
8	KELANTAN	HOSPITAL SULTAN ISMAIL PETRA	KK GUNONG, PKD BACHOK
9	PERAK	HOSPITAL TELUK INTAN	KK GREENTOWN, PKD KINTA
10	PERLIS	HOSPITAL TUANKU FAUZIAH	KK ARAU, PKD KANGAR

KK: Klinik Kesihatan; PKB: Pejabat Kesihatan Bahagian; PKK: Pejabat Kesihatan Kawasan; PKD: Pejabat Kesihatan Daerah; JK: Jabatan Kesihatan; WP: Wilayah Persekutuan

SENARAI CALON ANUGERAH AMALAN FARMASI

ANUGERAH AMALAN FARMASI TERBAIK DI FASILITI KKM (HOSPITAL DAN KLINIK KESIHATAN)

BIL.	NEGERI / JKWP	HOSPITAL	KLINIK KESIHATAN
11	PAHANG	HOSPITAL TENGGU AMPUAN AFZAN	KK TG LALANG, PKD TEMERLOH
12	SELANGOR	HOSPITAL SUNGAI BULOH	KK BESTARI JAYA, PKD KUALA SELANGOR
13	MELAKA	HOSPITAL MELAKA	KK PERINGGIT, PKD MELAKA TENGAH
14	KEDAH	HOSPITAL KULIM	KK KUALA KETIL, PKD BALING
15	JK WP KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA	HOSPITAL PUTRAJAYA	
16	INSTITUT KANSER NEGARA	INSTITUT KANSER NEGARA	
17	HOSPITAL KUALA LUMPUR	HOSPITAL KUALA LUMPUR	

KK: Klinik Kesihatan; PKD: Pejabat Kesihatan Daerah; JK: Jabatan Kesihatan; WP: Wilayah Persekutuan

SENARAI CALON ANUGERAH AMALAN FARMASI

ANUGERAH FASILITI LATIHAN FARMASI LOGISTIK TERBAIK

BIL	NEGERI	FASILITI
1	SARAWAK	PUSAT JANTUNG SARAWAK
2	SABAH	HOSPITAL DUCHESS OF KENT
3	NEGERI SEMBILAN	HOSPITAL TUANKU AMPUAN NAJIHAH
4	PULAU PINANG	HOSPITAL BUKIT MERTAJAM
5	TERENGGANU	HOSPITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH
6	JOHOR	HOSPITAL SULTANAH AMINAH
7	KELANTAN	HOSPITAL PASIR MAS
8	PERAK	HOSPITAL TELUK INTAN
9	PAHANG	HOSPITAL BENTONG
10	SELANGOR	HOSPITAL SHAH ALAM
11	MELAKA	HOSPITAL ALOR GAJAH
12	KEDAH	HOSPITAL SULTAN ABDUL HALIM
13	HOSPITAL KUALA LUMPUR	HOSPITAL KUALA LUMPUR

SENARAI CALON ANUGERAH AMALAN FARMASI

ANUGERAH AMALAN FARMASI TERBAIK KENALI UBAT ANDA: PEMBUDAYAAN LITERASI KESIHATAN

BIL.	TAJUK	FASILITI
KEDAH		
1	'DARI PINGGIR LAUT KE KAKI BUKIT' BERSAMA DUTA KENALI UBAT ANDA NEGERI KEDAH	BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI, JABATAN KESIHATAN NEGERI KEDAH
2	PROGRAM 'MELENTUR BULUH BIARLAH DARIPADA REBUNGNYA' BERSAMA DUTA KENALI UBAT ANDA NEGERI KEDAH	BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI, JABATAN KESIHATAN NEGERI KEDAH
KELANTAN		
3	SEMBANG <i>ONLINE</i> CAKNA UBAT ANDA	BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI, JABATAN KESIHATAN NEGERI KELANTAN
4	<i>PHARMACY INTEGRATED COMMUNITY CARE</i> (PICC) NEGERI KELANTAN	BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI, JABATAN KESIHATAN NEGERI KELANTAN
5	PROGRAM TTEMU MATO DENGAN AHLI FARMASI	JABATAN FARMASI, HOSPITAL RAJA PEREMPUAN ZAINAB II
JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA		
6	PROGRAM JELAJAH KASIH ANAK-ANAK BERSAMA DUTA KENALI UBAT ANDA ZON PUTRAJAYA	PEJABAT KESIHATAN DAERAH PUTRAJAYA
7	BUKU SIRI KENALI UBAT	BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI, JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA
JOHOR		
8	PELAKSANAAN PROGRAM KENALI UBAT ANDA MELALUI <i>QUMCLICK</i>	BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI, JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR
PAHANG		
9	PROGRAM MINGGU FARMASI	HOSPITAL JERANTUT
10	PHARMAZANIA	HOSPITAL SULTAN HJ AHMAD SHAH, TEMERLOH
11	<i>FARMABRAILLE BLINDCARE</i> (FBBC)	BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI, JABATAN KESIHATAN NEGERI PAHANG

SENARAI CALON ANUGERAH AMALAN FARMASI

ANUGERAH AMALAN FARMASI TERBAIK KENALI UBAT ANDA: PEMBUDAYAAN LITERASI KESIHATAN

BIL.	TAJUK	FASILITI
TERENGGANU		
12	PROGRAM JELAJAH KAMPUNG SKUAD CAKNA UBAT	BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI, JABATAN KESIHATAN NEGERI TERENGGANU
13	KAMPUNGKU CELIK UBAT	BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI, JABATAN KESIHATAN NEGERI TERENGGANU
14	<i>PHARMACY INTEGRATED COMMUNITY CARE</i>	BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI, JABATAN KESIHATAN NEGERI TERENGGANU
HOSPITAL KUALA LUMPUR		
15	PROGRAM <i>OUTREACH</i> KENALI UBAT ANDA DI MRT KUALA LUMPUR	HOSPITAL KUALA LUMPUR
PERLIS		
16	<i>PHARMACY INTEGRATED COMMUNITY CARE (PICC)</i> KAMPUNG TENGAH, KUALA PERLIS	BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI, JABATAN KESIHATAN NEGERI PERLIS
SELANGOR		
17	"HI FANA" PERKHIDMATAN MAKLUMAT UBAT MELALUI APLIKASI WHATSAPP	PEJABAT KESIHATAN DAERAH KUALA SELANGOR DAN HOSPITAL SHAH ALAM
18	COMIXRX	JABATAN FARMASI, HOSPITAL AMPANG
19	SET DEMONSTRASI PENGGUNAAN UBAT BERKUALITI (MOSET QUMC)	PEJABAT KESIHATAN DAERAH KLANG
MELAKA		
20	SAMBUTAN MINGGU KESEDARAN ANTIBIOTIK DAN KENALI UBAT ANDA 2021	BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI, JABATAN KESIHATAN NEGERI MELAKA
21	<i>FACEBOOK LIVE SAHABAT FARMASI</i>	BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI, JABATAN KESIHATAN NEGERI MELAKA
PERAK		
22	PELAKSANAAN AKTIVITI PENDIDIKAN <i>ADVERSE EVENTS FOLLOWING IMMUNIZATION (AEFI)</i> DI PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV) AWAM DAERAH KAMPAR	PEJABAT KESIHATAN DAERAH KAMPAR
23	" <i>MEDICINE INFORMATION DELIVERY VIA VIRTUAL</i> " (MEDIVS) DALAM NORMA BARU	KLINIK KESIHATAN GREENTOWN
24	PROGRAM <i>VIRTUAL</i> KENALI UBAT ANDA (PROV-KUA)	BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI, JABATAN KESIHATAN NEGERI PERAK

SENARAI CALON ANUGERAH AMALAN FARMASI

ANUGERAH AMALAN FARMASI TERBAIK KENALI UBAT ANDA: PEMBUDAYAAN LITERASI KESIHATAN

BIL.	TAJUK	FASILITI
SARAWAK		
25	KNOW YOUR MEDICINE VIRTUAL COURSE 2022	HOSPITAL SIBU
26	PENGGUNAAN UBAT BERKUALITI - KOMUNITI PEKAK (PUB-KP)	BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI, JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK
PULAU PINANG		
27	PHARMTALKS	BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI, JABATAN KESIHATAN NEGERI PULAU PINANG
SABAH		
28	PROGRAM SESI CERAMAH PENGGUNAAN UBAT SECARA BERKUALITI- PENGGUNA (PUB) SECARA MAYA	BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI, JABATAN KESIHATAN NEGERI SABAH
NEGERI SEMBILAN		
29	PROGRAM DUTA PRIHATIN MASYARAKAT	BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI, JABATAN KESIHATAN NEGERI SEMBILAN
JKWP LABUAN		
30	MOBILE KENALI UBAT ANDA (MKUA)	BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI, JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN



PROFIL PENCERAMAH



PAFKK 2022

PROFIL PENCERAMAH
HARI PERTAMA

Dr. Nur Sufiza Ahmad Timbalan Pengarah (Pengurusan Formulari)

Dr. Nur Sufiza Ahmad berkelulusan ijazah Sarjana Muda Farmasi (Kepujian) daripada Universiti Sains Malaysia pada tahun 1999. Beliau kemudian melanjutkan pelajaran dan telah memegang ijazah Doktor Falsafah daripada Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur.

Beliau kini adalah Timbalan Pengarah Cawangan Pengurusan Formulari, Bahagian Amalan dan Perkembangan, Kementerian Kesihatan Malaysia yang bertanggungjawab untuk formulari ubat-ubatan KKM, kelulusan ubat khas dan penilaian farmakoekonomik. Beliau pernah berkhidmat di hospital dan klinik kesihatan KKM dan mempunyai pengalaman meluas dalam penjagaan farmaseutikal, pengurusan logistik ubat-ubatan, pemantauan dan penilaian harga ubat-ubatan di Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi. Beliau juga terlibat dalam membangunkan polisi berkaitan Dasar Ubat Nasional dan penyelidikan *Malaysia Health System Research* serta telah menjalani beberapa sesi latihan berkaitan polisi kesihatan di New Zealand dan Australia. Selain itu, beliau terlibat dalam penyelidikan berkaitan ketelusan harga ubat di Malaysia, pematuan ubat-ubatan berkaitan pengawalan glisemik dalam kalangan pesakit diabetes di samping menghasilkan beberapa artikel dalam pelbagai jurnal antrabangsa.



Penceramah bagi

" Rangka Tindakan
Farmakoekonomi ke Arah
Kelestarian Akses Ubat-ubatan "



Puan Fatkhiah Haji Khalil Timbalan Pengarah (Pengurusan Harga Ubat)

Puan Fatkhiah Haji Khalil adalah pemegang ijazah Sarjana Muda Farmasi (Kepujian), Universiti Sains Malaysia (USM) 1994, Beliau kini merupakan Timbalan Pengarah, Cawangan Pengurusan Harga Ubat, Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia. Beliau mempunyai pengalaman dalam pelbagai bidang perkhidmatan farmasi, antaranya 11 tahun pengalaman aktiviti penguatkuasaan Farmasi, 4 tahun pengurusan projek pembangunan sistem ICT, 3 tahun dalam pembentukan Dasar Ubat Nasional, 3 tahun dalam penjagaan farmaseutikal dan logistik di hospital serta 4 tahun dalam aktiviti pemantauan harga ubat. Beliau telah menerbitkan beberapa laporan berkaitan aktiviti pemantauan harga ubat di Malaysia dan melancarkan sistem My.Pharma-C di peringkat nasional untuk permohonan lesen oleh syarikat swasta. Beliau juga telah berjaya membentuk pelan perintis penetapan harga vaksin COVID-19 dan diwartakan di peringkat nasional. Fokus dan projek utama beliau kini adalah membentuk Polisi Mekanisme Ketelusan Harga Ubat di Malaysia supaya harga ubat-ubatan di Malaysia dapat dikawal, tidak mahal berbanding harga negara maju dan ubat-ubatan ini mampu dimiliki oleh rakyat serta tidak membebankan terutamanya di sektor swasta. Beliau juga telah menghadiri beberapa siri latihan di Korea Selatan, Jepun dan Austria berkaitan penetapan harga ubat dan *reimbursement*.

Penceramah bagi

" Mekanisme Harga Ubat yang
Konklusif ke Arah Akses Ubat
Mampu Milik "



PAFK 2022

PROFIL PENCERAMAH
HARI PERTAMA

Puan Norhuda Mohd Tajuddin Timbalan Pengarah (Pengurusan Farmasi Logistik)

Puan Norhuda Mohd Tajuddin telah menerima ijazah Sarjana Muda Sains Farmasi (Kepujian), Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 1992. Beliau kini menyandang jawatan sebagai Timbalan Pengarah Cawangan Pengurusan Farmasi Logistik, Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia. Beliau mempunyai pengalaman kerja di beberapa hospital di negeri Perak dari tahun 1993 sehingga 2006 sebelum meneruskan perkhidmatan beliau di Bahagian Perkhidmatan Farmasi Negeri Perak sehingga tahun 2009. Seterusnya beliau telah berkhidmat di PKD Kinta (Klinik Kesihatan Kg. Simee) sebelum menyambung kembali perkhidmatan di Bahagian Perkhidmatan Farmasi Negeri Perak. Beliau kemudiannya berpindah ke Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2020 dan berkhidmat sehingga kini. Puan Norhuda giat memberikan sumbangan dalam pelaksanaan akreditasi, ISO, *Quality Initiatives*, projek Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) di peringkat hospital dan negeri. Beliau turut aktif memberikan ceramah dalam bidang pengurusan stor dan Program Transformasi Minda kepada pegawai perubatan dan pegawai farmasi sejak tahun 2014. Terkini, beliau merupakan penasihat Jawatankuasa Penyediaan Garis Panduan Pengurusan Farmasi Logistik di Kementerian Kesihatan Malaysia dan pegawai penyelaras Unit Pengurusan & Pengendalian Vaksin COVID-19 (Logistik) Program Perkhidmatan Farmasi.



Penceramah bagi

**" Pengurusan Bekalan Ubat
semasa Bencana dan Krisis "**



PAFK 2022

PROFIL PENCERAMAH HARI KEDUA

Profesor Gan Siew Hua Dekan, Pusat Pengajian Farmasi Monash University Malaysia

Profesor Gan merupakan pemegang ijazah Sarjana Muda Sains Farmasi (Kepujian) daripada *Manchester University*, ijazah Sarjana Farmasi Klinikal dan ijazah Doktor Falsafah dalam farmakologi daripada Universiti Sains Malaysia (USM). Beliau merupakan Dekan bagi Pusat Pengajian Farmasi di Monash University Malaysia yang telah menerima pelbagai anugerah dalam penerbitan berprestij termasuk *Elsevier Top Reviewer of the Year Award* dan *Most Cited Paper* untuk *Journal of Food Science (Wiley)*. Beliau juga telah menerbitkan lebih daripada 200 artikel jurnal antarabangsa berindeks-WOS dan menerima beberapa anugerah penyelidikan seperti *Excellent Researcher and Quality Publication Awards* (kategori individu) untuk beberapa tahun berturut-turut. Pada tahun 2019, beliau telah memenangi anugerah *National Outstanding Educator Award 2019* dalam Kategori Penyelidik Cemerlang Kebangsaan. Sehingga kini, beliau telah menyelia seramai 16 orang pelajar peringkat Doktor Falsafah dan 3 orang pelajar peringkat sarjana yang telah berjaya menamatkan pengajian mereka dengan jayanya.

Professor Gan mempunyai kepakaran dalam bidang farmakogenomik serta toksikologi dan beliau telah menerima beberapa pembiayaan bagi penyelidikan daripada agensi kebangsaan dan juga antarabangsa termasuk WHO dan TWAS-COMSTech (UNESCO), dengan anggaran berjumlah RM 5.8 juta. Selain itu, beliau merupakan ahli lembaga penunjang bagi pelbagai jurnal antarabangsa, termasuk *Seminars in Cancer Biology*, *Frontiers in Pharmacology*, *PLoS One*, *Evidence-Based Complementary Medicine* dan *Current Pharmaceutical Design*. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam penulisan saintifik dan telah menganjurkan pelbagai latihan dan bengkel di Malaysia serta India sejak 10 tahun yang lalu.



Penceramah bagi

**" Integrating Precision
Medicine into Healthcare
Practice "**



Penceramah bagi

**" Precision Medicine towards
Prevention of Adverse Drug
Reactions "**

Dr. Nur Aizati Athirah Daud Pensyarah Farmasi Pusat Pengajian Sains Farmasi Universiti Sains Malaysia

Dr. Nur Aizati Athirah Daud memperoleh ijazah Sarjana Muda Farmasi (Kepujian) dan ijazah Sarjana Farmasi Klinikal daripada Pusat Pengajian Sains Farmasi, Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang. Beliau kemudiannya meneruskan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah dalam bidang farmakoepidemiologi dan farmakogenomik di *University of Groningen, Netherlands*. Beliau telah memulakan karier sebagai pensyarah dalam bidang farmasi klinikal di Pusat Pengajian Sains Farmasi, USM sejak tahun 2017. Beliau juga turut terlibat sebagai penyelidik dan pensyarah silang di *Human Genome Centre* di universiti yang sama. Beliau kini aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan penyeliaan pelajar pasca siswazah dalam bidang kepakaran seperti farmakogenomik dan *personalized medicine*, kesihatan wanita, kesihatan seksual dan reproduktif, penggunaan ubat-ubatan oleh wanita hamil serta penyalahgunaan dadah. Selain itu, beliau telah menghasilkan penerbitan saintifik dalam beberapa jurnal kebangsaan dan antarabangsa serta kursus atas talian, khususnya dalam bidang farmasi klinikal. Beliau juga merupakan ahli Persatuan Farmasi Malaysia, dan *affiliate member* bagi *Young Scientist Network- Academy of Science Malaysia (YSN-ASM)*.



PAFK 2022

PROFIL PENCERAMAH
HARI KEDUA

Dr. Rizal Husaini Razali Pegawai Farmasi Hospital Tunku Azizah

Dr. Rizal Husaini bin Razali telah menamatkan pengajian dalam bidang ijazah Sarjana Muda Farmasi daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 2003 dan memperolehi ijazah Sarjana Farmasi Klinikal (MPharm) daripada Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 2009. Beliau kemudiannya telah melanjutkan pengajian Doktor Falsafah dalam bidang Farmakogenomik di Institut Farmakogenomik Integratif (IPROMISE) di Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada tahun 2016 dengan menjalankan kajian penyelidikan berkaitan kesan mutasi pada gen, *single nucleotide polymorphisms* (SNP) pada pengangkut protein (*ABCC2*; rs1717620 dan *SLCO1B1*; rs4149056), enzim metabolisme (*MTHFR*; rs1801133) dan faktor transkripsi (*ARID5B*; rs4948496) terhadap kandungan paras Methotrexate dan respon dalam kalangan pesakit *Acute Lymphoblastic Leukemia* (ALL) kanak-kanak. Dr Rizal telah menjalani latihan *housemanship* di Hospital Tunku Ampuan Rahimah (HTAR) pada tahun 2003 dan berkhidmat sebagai Pegawai Farmasi Klinikal dari tahun 2004 sehingga tahun 2016 di Institut Pediatrik, Hospital Kuala Lumpur (IPHKL). Sepanjang kerjayanya sebagai pegawai farmasi klinikal, beliau telah diiktiraf sebagai Pegawai Farmasi Klinikal dalam bidang pengkhususan Pediatrik Onkologi pada tahun 2016 oleh Program Perkhidmatan Farmasi, KKM. Selain itu, Dr. Rizal juga merupakan antara pegawai farmasi pertama di Kementerian Kesihatan Malaysia yang telah menghadiri Latihan Farmakoterapi dalam bidang pengkhususan Farmasi Pediatrik Hematologi dan Onkologi selama empat minggu di McMaster Children's Hospital, Hamilton, Ontario, Canada di bawah seliaan Dr. John T. Wiernikowski (PharmD) pada tahun 2007. Disamping itu, beliau juga turut terlibat secara aktif dalam pembangunan beberapa garis panduan klinikal termasuk *CPG Management of Transfusion Dependent Thalassaemia* dan *Management of Hemophilia* oleh Cawangan Penilaian Teknologi Kesihatan, KKM dan merupakan ahli seumur hidup (*life membership*) bagi *Malaysian Society of Paediatric Haematology & Oncology* (MASPHO) sejak tahun 2005.



Penceramah bagi

**" Application of Precision
Medicine in Pharmacotherapy:
Paediatric Oncology in the
Looking "**



Penceramah bagi

**" Evolusi Kenali Ubat Anda:
Pembudayaan Literasi
Kesihatan "**

Puan Munira Muhammad Timbalan Pengarah (Penggunaan Ubat Berkualiti)

Puan Munira Muhammad merupakan penerima ijazah Sarjana Muda Farmasi (Kepujian), Universiti Sains Malaysia (USM), 2000. Beliau kini merupakan Timbalan Pengarah, Cawangan Penggunaan Ubat Berkualiti, Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia. Beliau juga mempunyai pengalaman di Jabatan Pesakit Luar Hospital Kuala Kubu Bharu (2001-2003) dan Klinik Kesihatan Serendah, PKD Hulu Selangor (2003-2007) sebelum meneruskan perkhidmatan di Unit Amalan Hospital & Kesihatan dan Cawangan Penggunaan Ubat Berkualiti, Bahagian Amalan & Perkembangan dari 2007 hingga kini.

Fokus profesional adalah berkenaan Penggunaan Ubat Berkualiti dan Pemerkasaan Komuniti. Projek utama beliau adalah Program Kenali Ubat Anda dan Sub-Program Duta Kenali Ubat Anda. Beliau telah menjalani latihan di Australia pada tahun 2014 berkenaan *Community Empowerment In Quality Use of Medicines Focused on Marginalised Group*.

Beliau juga berpengalaman dalam membangunkan polisi, pelan strategik, kerangka keberhasilan dan kertas dasar yang melibatkan Penggunaan Ubat Berkualiti-Pengguna antaranya di dalam Agenda Nasional Malaysia Sihat, Dasar Ubat Nasional, Pelan Strategik Program Perkhidmatan Farmasi, Majlis Tindakan Sara Hidup Negara, *Malaysian Action Plan on Antimicrobial Resistance (MyAP-AMR)*, dan Rancangan Malaysia Ke 10 & 12. Selain itu, beberapa penerbitan telah dihasilkan termasuk *Know Your Medicines Programme, Strengthening Health Systems And Access to Care: Best Practices In ASEAN, 2020* dan *Know Your Medicines Ambassadors Programme Implementation in Malaysia, Malaysian Journal on Health Promotion, 2019*.



PAFK 2022

PROFIL PENCERAMAH
HARI KETIGA

Prof. Madya Dr. Mohd Makmor Bakry Dekan, Fakulti Farmasi Universiti Kebangsaan Malaysia

Prof. Madya Dr. Mohd Makmor Bakry merupakan pemegang ijazah Sarjana Muda Farmasi (Kepujian) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1999 dan telah memperoleh ijazah Doktor Falsafah (Perubatan & Terapeutik) daripada *University of Glasgow, Scotland* pada tahun 2007. Beliau kini merupakan Dekan di Fakulti Farmasi, Universiti Kebangsaan Malaysia dan telah menerima pelbagai anugerah berprestij tinggi sepanjang tempoh beliau berkhidmat sebagai pensyarah, antaranya Anugerah Pengajaran Cemerlang Universiti 2013, UKM, Anugerah Pemikiran dan Rekabentuk Semula Pengajian Tinggi Malaysia 2017 dan Anugerah Akademik Negara ke-11 oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Selain itu, beliau turut terlibat sebagai ahli dalam beberapa jawatankuasa kebangsaan seperti Anggota Pihak Berkuasa Kawalan Dadah, Ahli Lembaga Farmasi Malaysia, Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Pengiktirafan Ahli Farmasi dan Jawatankuasa *Subject Matter Expert Search*. Beliau juga merupakan profesor pelawat di beberapa universiti di Filipina. Sehingga kini, beliau telah menerbitkan lebih daripada 90 artikel dalam pelbagai jurnal dan memberikan banyak ceramah dalam bidang penjagaan farmaseutikal serta farmasi klinikal di samping penyeliaan lebih daripada 50 pelajar pasca siswazah. Bidang penyelidikan yang menjadi fokus utama beliau adalah penjagaan farmaseutikal, amalan farmasi klinikal, farmakokinetik, farmakogenetik dan farmakoterapi dalam penyakit neuromedikal.



Penceramah bagi

**" Pharmaceutical Care:
Transformation Change
Ahead "**



Penceramah bagi

**" Understanding MyMAAT
Development and Use :
The In and Out "**

Prof. Madya Dr. Ernieda Md Hatah Pensyarah, Fakulti Farmasi Universiti Kebangsaan Malaysia

Prof. Madya Dr. Ernieda Md Hatah telah menerima ijazah Sarjana Muda Farmasi daripada Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2002 dan Sarjana Farmasi Klinikal daripada Universiti Sains Malaysia pada tahun 2007 sebelum memperoleh ijazah Doktor Falsafah yang melibatkan kajian mengenai *Medication Review Services* daripada *University of Otago, New Zealand* pada tahun 2013. Beliau pernah berkhidmat sebagai pegawai farmasi klinikal di Hospital Putrajaya selama 5 tahun sebelum meneruskan karier beliau sebagai pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2006. Sebagai pensyarah kanan, selain terlibat dalam aktiviti pengajaran dan penyeliaan pelajar, beliau juga bergiat aktif dalam bidang penyelidikan khususnya tentang kepatuhan ubat, *medication review services*, perkhidmatan farmasi klinikal, *collaborative practice*, polisi dan harga ubat. Sehingga kini, Dr. Ernieda telah menerbitkan sebanyak 40 artikel dalam pelbagai jurnal antarabangsa dan beliau juga merupakan *reviewer* serta ahli lembaga penyunting untuk beberapa jurnal tempatan dan antarabangsa. Antara kejayaan tertinggi beliau adalah pembangunan beberapa inovasi yang telah mendapat hak cipta harta intelek seperti *Malaysia Medication Adherence Assessment Tool (MyMAAT)*, Alat panduan Perkhidmatan Pemantauan Ubat di Rumah (*Home Medication Review Service Guide Tool*) dan model inisiatif ketelusan harga ubat di perkhidmatan kesihatan swasta di Malaysia. Susulan pencapaian beliau yang cemerlang, beliau telah menerima pelbagai anugerah, antaranya *Award of Excellent Teaching & Learning Category 2021* oleh Majlis Dekan Farmasi Malaysia, *Excellent Lecturer Award 2018* oleh Fakulti Farmasi UKM dan *Publication Award in Q2 Journal Year 2021* oleh Fakulti Farmasi UKM.



PAFK 2022

PROFIL PENCERAMAH
HARI KETIGA

Dr. Norkasih Ibrahim Pensyarah Kanan, Fakulti Farmasi Universiti Teknologi MARA

Dr. Norkasih Ibrahim telah mendapatkan Ijazah Sarjana Farmasi Klinikal daripada Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2008 dan Ijazah Doktor Falsafah daripada *University College London* (UCL) pada tahun 2014. Beliau telah berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) selama hampir 20 tahun sebelum menceburi bidang akademik di UiTM pada tahun 2020. Kini, Dr. Norkasih merupakan Timbalan Dekan (Jaringan Industri, Komuniti & Alumni) Fakulti Farmasi UiTM.

Sepanjang perkhidmatan beliau di KKM, Dr. Norkasih giat memberikan sumbangan sebagai ahli jawatankuasa pengulas untuk beberapa penerbitan seperti *MPS Renal Pharmacy Handbook*, modul latihan sangkutan Farmasi Renal KKM, dan *Clinical Practice Guideline for the Management of Chronic Kidney Disease in Adults*. Terkini, beliau merupakan Pengerusi *MPS Renal Pharmacy Chapter*, ahli jawatankuasa Program Pendidikan Pra-Dialisis Kebangsaan, ahli jawatankuasa *Malaysian Adverse Drug Reactions Advisory Committee*, dan terlibat sebagai pengulas untuk *Malaysian Journal of Medicine & Health Sciences*.

Dr. Norkasih mengalu-alukan penyelidikan kolaboratif dalam bidang farmasi renal, amalan farmasi hospital dan inisiatif keselamatan pengubatan. Beliau merupakan ahli Persatuan Farmasi Malaysia dan sentiasa menyokong inisiatif UNHCR Malaysia.



Penceramah bagi

**"How Disastrous It Can Be When
Adverse Drug Reactions Hinder
Adherence"**



Penceramah bagi

**"Perancangan/Hala Tuju
Penjagaan Farmaseutikal"**

Puan Rohana Hassan Timbalan Pengarah (Penjagaan Farmaseutikal)

Puan Rohana Hassan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Farmasi (Kepujian) daripada Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 1991 dan Ijazah Sarjana Farmasi Klinikal daripada universiti yang sama pada tahun 2001.

Kini, beliau merupakan Timbalan Pengarah, Cawangan Penjagaan Farmaseutikal, Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pengurusan farmasi, antaranya 16 tahun dalam pengurusan farmasi hospital (perubatan), 4 tahun dalam pengurusan farmasi kesihatan awam, 4 tahun di Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi, IPKKM dan hampir 4 tahun dalam bidang penguatkuasaan farmasi. Beliau juga terlibat secara aktif dalam pelbagai inisiatif dan aktiviti farmasi klinikal sama ada di peringkat hospital ataupun peringkat kebangsaan. Antaranya, beliau telah menerajui Jawatankuasa Kerja Farmasi Klinikal (Pengkhurusan Penjagaan Rapi) dari tahun 2013 ke 2014 dan kini beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Induk Farmasi Klinikal. Selain itu, beliau telah memberi sumbangan yang berterusan dalam beberapa penerbitan peringkat kebangsaan seperti *Critical Care Pharmacy Handbook* dan *National Antibiotic Guideline*. Beliau turut giat terlibat sebagai pembentang dan fasilitator untuk bengkel dokumentasi farmasi wad sebagai usaha untuk mengukuhkan perkhidmatan farmasi klinikal di Malaysia. Fokus utama beliau adalah pemantapan perkhidmatan bidang farmasi klinikal, penjagaan rapi, *Infectious Disease* dan *Antimicrobial Stewardship*.

GoodScience



ABOUT US

The plant is dedicated to the manufacturing of oral solid dosages (OSD) for tablets and capsules for the private market and is ready for government tender.

Our annual plant capacity is 400mil of tablets, 20mil of blisters and 20mil of capsules.

VISIT US AT

No.7, Jalan KPK 4/3
Kundang Industrial Park
48020, Rawang, Selangor

OUR SERVICES

- Contract Manufacturing
- Primary & Secondary Packaging
- Contract Product R&D



FOR MORE INFORMATION

enquiry@goodscience.com

TEL : 03-6034 3883